

15 OCT 2001

MAHATHIR-BELANJAWAN

BELANJAWAN 2002 UNTUK PERTAHANKAN EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Belanjawan negara untuk 2002 yang akan dibentangkan di Parlimen Jumaat ini akan memberikan tumpuan kepada mempertahankan kedudukan ekonomi Malaysia melalui tindakan fiskal.

Peranan rakyat ialah mereka perlu memainkan peranan dalam menyokong usaha kerajaan serta bersedia untuk menghadapi kemelesetan ekonomi, kata Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau menyatakan perkara ini dalam rancangan "Khas Bersama Perdana Menteri" yang disiarkan oleh RTM malam ini. Dalam rancangan itu Dr Mahathir ditemuramah mengenai kesan serangan 11 Sept di Amerika Syarikat terhadap ekonomi, politik dan keselamatan negara.

Dr Mahathir berkata kerajaan yakin dengan kepelbagaian dalam kegiatan ekonomi negara, Malaysia tidak akan merasakan penurunan ekonomi sebagaimana dirasai oleh setengah-setengah negara yang bergantung kepada satu dua punca pendapatan sahaja.

Oleh itu rakyat perlu bertindak dengan bijak dan bersedia untuk menghadapi kemelesetan ekonomi sementara kerajaan bertindak dengan cara menghalang kesan menyeluruh ke atas ekonomi negara, tambah beliau yang juga Menteri Kewangan.

Antara perkara yang boleh dilakukan oleh rakyat ialah dengan berbelanja lebih di dalam negeri dan jangan terlalu mengekang perbelanjaan atau terlalu menabung kerana ini akan memberi masalah kepada para peruncit, pembekal dan juga para pekerja kilang.

Dr Mahathir berkata: "Sebab itu kita meminta supaya dalam masa ini yakinlah keadaan kita akan pulih di masa hadapan. Dengan itu kita berbelanja wang yang ada pada kita dalam negara.

Janganlah kita bawa wang kita pergi ke luar negara, pergi melancong ke luar negara. Kalau nak pergi ke Langkawi, Alhamdulillah, tetapi kalau bawa duit kita ke luar negara kita akan menghadapi masalah."

Ditanya mengenai kesan serangan penganas ke atas Amerika Syarikat Sept 11 yang lalu terhadap ekonomi negara, Dr Mahathir berkata: "Impaknya tentulah banyak kerana rakan dagangan kita menghadapi masalah, tidak akan membeli barangan -barangan kita dan bukan sahaja Amerika Syarikat, mereka yang juga mempunyai hubungan ekonomi dengan Amerika Syarikat, ekonomi mereka juga akan terjejas.

Jadi, pasaran bagi barangan Malaysia akan menguncup dan ini menyebabkan penurunan ekonomi tetapi ia sedikit-sebanyak boleh ditangani oleh tindakan dalaman dan dengan kerjasama rakyat supaya kesannya tidaklah sebegitu.

Ditanya adakah pakej rangsangan fiskal bernilai RM4.3 bilion yang diumumkan baru-baru ini boleh mengatasi masalah ekonomi, Dr Mahathir berkata: "Ya sedikit sebanyak ia boleh mengatasi masalah tetapi tidaklah sepenuhnya kerana kemampuan kerajaan juga terhad. Kita tidak boleh belanja terlalu banyak sehingga kita berhutang kepada pihak-pihak lain dan ini akan melemahkan kita."

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan sedaya upaya akan menggunakan tindakan fiskal untuk memulihkan sedikit ekonomi negara tetapi rakyat dan sektor swasta mempunyai peranan yang akan diumumkan di dalam Rang Undang-undang Belanjawan 2002 yang akan dibentangkan kelak.

Mengenai ekonomi Pualau Pinang yang terjejas baru-baru ini kerana terlalu bergantung kepada barangan elektronik dan pelancongan, Dr Mahathir berkata peluang pekerjaan baru adalah lebih banyak jumlah daripada mereka yang diberhentikan.

Oleh itu, beliau berkata, mereka yang terlibat perlu sanggup untuk membuat kerja lain bagi menampung kehidupan mereka.

Daripada segi jumlah pelancong, beliau berkata bilangan pelancong dari Amerika Syarikat dan Eropah mungkin berkurangan tetapi mereka bukanlah merupakan kumpulan pelancong terbesar yang melawat negara ini.

Dr Mahathir berkata: "Pelancong yang datang ke Malaysia adalah dari Asean, Jepun, China, India dan kita masih mampu menarik pelancong-pelancong ini dan baru-baru ini kita lihat ramai pelancong Arab berminat untuk datang ke Malaysia.

"Satu usaha perlu dibuat untuk menambah ketibaan mereka kerana saya yakin mereka kali ini tidak akan pergi ke Eropah ataupun Amerika untuk melancong. Jadi ini merupakan satu peluang bagi kita."

Ditanya mengenai penekanan kepada penggalakan pelancongan sesama negara Islam baru-baru yang seolah-olah meminggirkan pelancong-pelancong dari Barat, Dr Mahathir berkata anggapan kita buat kempen untuk negara Islam ini ialah kerana kita tidak mahu pelancong daripada negara lain tidak benar.

Beliau berkata: "Kita hendak mereka datang tetapi kita hendak tambah dengan menarik pelancong daripada negara-negara Islam."

Baru-baru ini Persidangan Menteri-menteri Pelancongan Negara-negara OIC di Kuala Lumpur telah menekankan pentingnya pelancongan sesama negara Islam di promosikan, dan ini menyebabkan ada pihak dari Barat yang berpendapat ini seolah-olah menunjukkan negara Islam kini sudah tidak lagi mengalu-ngalukan kehadiran mereka.

Dr Mahathir berkata: "Kita juga ada suatu usaha khas untuk tarik pelancong daripada negara-negara Asia Timur. Ini tidak bermakna kita tidak hendak orang Arab datang ke sini."

Malaysia terpaksa menumpukan kepada segmen-segmen tertentu dan pada kali ini ia menumpukan perhatian kepada negara-negara Islam kerana mereka mempunyai potensi untuk meningkatkan bilangan pelancong ke Malaysia, tambah beliau.

Selain daripada meningkatkan jumlah pelancong, Dr Mahathir berkata, menarik masuk para penuntut asing untuk melanjutkan pelajaran mereka di Malaysia turut menyumbang kepada ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata: "Kita mempunyai 15,000 penuntut dari luar negeri dan kita boleh anggap seorang penuntut yang belajar di Malaysia sebagai 360 orang pelancong yang datang sehari kerana mereka tinggal di sini bukan satu hari dua hari tetapi setahun dua tahun."

Kerajaan telah dimaklumkan bahawa ramai pelajar asing di negara-negara tertentu mencari tempat lain untuk belajar kerana keadaan di sana tidak begitu menyenangkan, katanya.

Dr Mahathir berkata: "Jadi kita punya potensi untuk menarik mereka umpamanya ramailah yang sekarang ini tidak begitu berminat untuk belajar di Amerika kerana kosnya tinggi kerana layanan yang dirasai mungkin kurang memuaskan dan kita boleh menarik mereka ke sini dengan mengadakan cukup institusi untuk mereka." -- BERNAMA

MK OS